



PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 14 TAHUN 2020

ARAHAN KERJA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PROSES KERJA PENANDAAN POKOK SECARA JABATAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Arahan kerja ini bertujuan untuk menggariskan proses kerja bagi kerja persediaan di pejabat, pelaksanaan kerja di lapangan dan penyemakan bagi aktiviti Penandaan Pokok secara Jabatan, penyediaan Laporan Penandaan Pokok serta Buku Penandaan Pokok dan Kawalan Pengeluaran Kayu dalam merancang, mengurus dan mengusaha hasil hutan secara teratur, sempurna serta berkesan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada asasnya kerja-kerja penandaan pokok adalah termasuk kerja-kerja penandaan pokok tebangan, pokok ibu, pokok perlindungan, pokok jalan, pokok matau, pokok tapak kongsi dan penandaan sempadan zon penampang alur air.
- 2.2 Penandaan Pokok boleh mengelak berlakunya tebangan tanpa kebenaran sama ada di luar kawasan lesen atau tebangan pokok di bawah Had Batas Tebangan (HBT) di dalam kawasan lesen kerana balak-balak dari pokok berkenaan tidak akan dapat dikeluarkan disebabkan tidak mempunyai tag.

3.0 SKOP KERJA

- 3.1 Arahan kerja ini digunakan oleh Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) bagi Proses Kerja Penandaan Pokok secara Jabatan.
- 3.2 Arahan kerja ini merangkumi proses kerja bagi kerja persediaan di pejabat, pelaksanaan kerja Penandaan Pokok di lapangan, penyemakan kerja Penandaan Pokok secara Jabatan dan penyediaan Laporan Kerja Penandaan Pokok selaras dengan kehendak peraturan dan perundangan Jabatan Perhutanan.

4.0 TANGGUNGJAWAB

- 4.1 Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM)/ Pengarah Perhutanan Negeri (PPN)/Pegawai Hutan Daerah/Jajahan (PHD) adalah bertanggungjawab memastikan arahan kerja ini dipatuhi. Pematuhan ini merangkumi sesiapa jua yang terlibat dengan aktiviti penandaan pokok Secara Jabatan.
- 4.2 Kegagalan mana-mana orang dalam mematuhi pelaksanaan arahan kerja ini boleh dikenakan tindakan undang-undang atau tatatertib.

5.0 KAE DAH PELAKSANAAN

5.1 Punca Kuasa

- 5.1.1 Punca kuasa bagi melaksanakan arahan kerja ini adalah berpandukan sepertimana berikut:
 - i. Minit Mesyuarat Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-37 yang telah diadakan pada 29 Oktober hingga 1 November 2017 di Terengganu.
 - ii. Minit Mesyuarat kajian Semula Proses Kerja JPSM yang telah diadakan pada 22 Julai 2018 hingga 24 Julai 2018 di Genting Highlands, Pahang.

5.2 Dasar dan Perundangan

- 5.2.1 Kerajaan adalah komited dalam memastikan bahawa sumber hutan negara akan dibangunkan secara berkekalan sebagaimana terkandung dalam kenyataan Dasar Perhutanan Negara (DPN), 1978.
- 5.2.2 Undang-undang yang digunakan bagi arahan kerja ini ialah Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56], Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] dan Kaedah-Kaedah Hutan.
- 5.3 Pelaksanaan arahan kerja ini melibatkan pelbagai lapisan perjawatan. Tindakan dan tanggungjawab terhadap proses kerja ini adalah seperti berikut:
 - 5.3.1 Penandaan Pokok Tebangan, Pokok Ibu, Pokok Perlindungan dan Sempadan Zon Penampang Alur Air.

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
5.3.1.1	Menerima Surat Penetapan Had Batas Tebangan bagi Kawasan pengusahasilan daripada PPN/TPPN.	PPPN/PHD
5.3.1.2	Mengarahkan PP menyediakan Pelan Kawasan Kerja Penandaan Pokok.	PPPN/PHD
5.3.1.3	Menyediakan Pelan Kawasan Kerja Penandaan Pokok berskala 1:5000 dalam format GIS yang mempunyai bacaan GPS bagi Pusat Ikatan dan setiap stesen sempadan.	PP
5.3.1.4	Menyemak Pelan Kawasan Kerja Penandaan Pokok;	PPPN/PHD
	5.3.1.4.1 Jika pelan tidak betul dan tidak lengkap, memperbetul dan melengkapkan pelan (ulangi dari para 5.3.1.3).	PP
	5.3.1.4.2 Jika pelan didapati betul dan lengkap, mengesahkan pelan.	PPPN/PHD
5.3.1.5	Memaklumkan Had Batas Tebangan, mengedarkan Pelan Kawasan Kerja Penandaan Pokok, Tag Tanda Pokok Tebangan, Tag Tanda Pokok Ibu, Tag Tanda Pokok Perlindungan dan Tukul Tanda Jabatan serta mengarahkan PPHD/PPH menjalankan penandaan pokok.	PPPN/PHD
5.3.1.6	Menyediakan Pasukan Penandaan Pokok (PPP) yang diketuai oleh pegawai berpangkat tidak rendah daripada Pengawas Hutan.	PPHD/PPH
5.3.1.7	Menentu dan menanda PI dan PGT kawasan kerja penandaan pokok di lapangan.	PPHD/PPH
	5.3.7.1 Sekiranya berlaku perubahan PI dan PGT kawasan kerja penandaan sempadan di lapangan direkodkan dalam Buku Kerja Luar penandan sempadan	PPH/PPHD
	5.3.7.2 Jika PI dan PGT kawasan kerja telah betul dan lengkap, membenarkan PPP melaksanakan penandaan pokok di lapangan.	PPH/PPHD
5.3.1.8	Merintis Garis Tapak dan menanda permulaan Garis Kawalan Penandaan Pokok.	PPP

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
5.3.1.9	Menanda Garis Kawalan Penandaan Pokok dan Petak Penandaan Pokok.	PPP
5.3.1.10	Menentukan dan menanda kelebaran Zon Penamparan Alur Air.	PPP
5.3.1.11	Menanda Pokok Tebangan, memilih dan menanda Pokok Ibu serta menanda Pokok Perlindungan.	PPP
5.3.1.12	Menyediakan Laporan Siap Kerja dan mengedarkan dokumen-dokumen kerja seperti berikut: (i) Borang Penandaan Pokok Tebangan; (ii) Borang Penandaan Pokok Ibu; (iii) Borang Penandaan Pokok Perlindungan; (iv) Pelan Zon Penamparan Alur Air; (v) Pelan Penandaan Pokok Tebangan (termasuk julat siri tag); (vi) Pelan Penandaan Pokok Ibu; (vii) Rekod tag yang telah digunakan dan baki tag; (viii) Ringkasan bilangan dan taksiran isipadu Pokok Tebangan; dan (ix) Tukul Tanda Jabatan.	Ketua PPP
5.3.1.13	Menentukan di pejabat kawasan yang perlu disemak di lapangan dengan menetapkan blok penandaan pokok yang perlu disemak pada kadar sekurang-kurangnya lima (5) peratus daripada jumlah Blok Penandaan Pokok.	PPPN/PHD
5.3.1.14	Menyediakan Pasukan Semakan (PS) yang diketuai oleh seorang pegawai kanan yang berpangkat tidak rendah daripada PPHD/PPH.	PPPN/PHD
5.3.1.15	Menyemak kerja penandaan pokok di kawasan yang ditetapkan dengan menggunakan Borang Semakan Kerja Penandaan Pokok Tebangan, Pokok Ibu, Pokok Perlindungan dan Sempadan Zon Penamparan Alur Air.	Ketua PS
	5.3.1.15.1 Jika pelaksanaan kerja tidak memenuhi spesifikasi, mengarahkan PPP mengulangi kerja dari para 5.3.1.7.	PPP

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	5.3.1.15.2 Jika pelaksanaan kerja memenuhi spesifikasi dan didapati memuaskan mengesahkan Laporan Semakan Kerja Penandaan Pokok.	Ketua PS
5.3.1.16	Menyediakan Laporan Semakan Kerja.	Ketua PS
5.3.1.17	Mengemukakan kepada PPPN/PHD perkara-perkara berikut: (i) Laporan Semakan Kerja Penandaan Pokok Tebangan, Pokok Ibu, Pokok Perlindungan dan Sempadan Zon Penampang Alur Air; (ii) Laporan Semakan Kerja Penandaan Pokok Jalan/ Pokok Matau/Pokok Kongsi; dan (iii) Maklumat tag yang disemak dan baki tag yang dipulangkan.	Ketua PS
5.3.1.18	Menyemak dan membuat keputusan ke atas Laporan Semakan Kerja Penandaan Pokok. 5.3.1.18.1 Jika pelaksanaan kerja tidak memenuhi spesifikasi, mengarahkan KPH mengulangi kerja (ulangi dari para 5.3.13). 5.3.1.18.2 Jika pelaksanaan kerja memenuhi spesifikasi, mengarahkan Ketua PS mengemukakan Laporan Semakan Kerja Penandaan Pokok Secara Jabatan.	PPPN/PHD Ketua PS PPPN/PHD

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
5.3.19	<p>Menerima daripada Ketua PS Laporan Semakan Kerja dan baki Tag Tanda Pokok (jika ada) berserta perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Borang Penandaan Pokok Tebangan, Pokok Ibu dan Pokok Perlindungan yang telah lengkap diisi; (ii) Tiga (3) salinan ringkasan bilangan dan taksiran isipadu Pokok Tebangan; (iii) Enam (6) salinan Buku Penandaan Pokok dan Kawalan Pengeluaran Kayu bagi Pokok Tebangan; (iv) Tiga (3) salinan Senarai Pokok Ibu; (v) Tiga (3) salinan Senarai Pokok Perlindungan; (vi) Tiga (3) salinan Pelan Penandaan Pokok Tebangan; dan (vii) Tiga (3) salinan Pelan Penandaan Pokok Ibu dan Pokok Perlindungan. 	PPPN/PHD
5.3.1.20	<p>Mengedarkan perkara-perkara berikut ke PPN/TPPN;</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) lima (5) salinan Buku Penandaan Pokok dan Kawalan Pengeluaran Kayu bagi Pokok Tebangan; (ii) lima (5) salinan Buku Penandaan Pokok dan Kawalan Pengeluaran Kayu bagi Pokok Jalan, Pokok Matau dan Pokok Kongsi; (iii) dua (2) salinan ringkasan bilangan dan taksiran isipadu Pokok Tebangan; (iv) dua (2) salinan ringkasan bilangan dan taksiran isipadu Pokok Jalan/Pokok Matau/Pokok Kongsi; (v) dua (2) salinan Senarai Pokok Ibu; (vi) dua (2) salinan Senarai Pokok Perlindungan; (vii) dua (2) salinan Pelan Penandaan Pokok Tebangan; dan (viii) dua (2) salinan Pelan Penandaan Pokok Ibu dan Pokok Perlindungan 	PPPN/PHD

5.3.2 Penandaan Pokok Jalan, Pokok Matau dan Pokok Kongsi

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
5.3.2.1	Menerima pelan jajaran Jalan Tuju, tapak Matau Utama dan tapak Kongsi ditanda di lapangan dan disahkan berdasarkan Pelan Jajaran Jalan Hutan yang diluluskan oleh PPN.	PPPN/PHD
5.3.2.2	Mengarahkan PPHD/PPH menjalankan penandaan Pokok Jalan, Pokok Matau dan Pokok Kongsi serta menyerahkan Tag Tanda Pokok Jalan/Pokok Matau/Pokok Kongsi.	PPPN/PHD
5.3.2.3	Menyediakan pasukan penandaan pokok yang diketuai oleh pegawai berpangkat tidak rendah daripada Pengawas Hutan.	PPHD/PPH
5.3.2.4	Menjalankan penandaan Pokok Jalan, Pokok Matau dan Pokok Kongsi.	PPP
5.3.2.5	Menyediakan Laporan Siap Kerja dan mengedarkan kepada PPPN/PHD dokumen-dokumen kerja seperti berikut: (i) Borang Penandaan Pokok Jalan/Matau/Kongsi; (ii) Pelan Penandaan Pokok Jalan/Matau/Kongsi; (iii) Rekod tag yang telah digunakan dan baki tag; (iv) Ringkasan bilangan dan taksiran isipadu Pokok Jalan/Matau/Kongsi; dan (v) Tukul Tanda Jabatan.	Ketua Pasukan
5.3.2.6	Menentukan di pejabat kawasan yang perlu disemak di lapangan pada kadar minimum seperti berikut: (i) Pokok Jalan – 10 peratus daripada panjang Jalan Tuju; (ii) Pokok Matau – 100 peratus keluasan tapak matau utama; dan (iii) Pokok Kongsi – 100 peratus keluasan tapak kongsi.	PPPN/PHD

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
5.3.2.7	Menyediakan pasukan semakan yang diketuai oleh seorang pegawai kanan yang berpangkat tidak rendah daripada PPHD/PPH.	PPPN/PHD
5.3.2.8	<p>Menyemak kerja penandaan Pokok Jalan, Pokok Matau dan Pokok Kongsi di kawasan yang ditetapkan dengan menggunakan Borang Semakan Kerja Penandaan Pokok Jalan/Pokok Matau/Pokok Kongsi.</p> <p>5.3.2.8.1 Jika pelaksanaan kerja tidak memenuhi spesifikasi, mengarahkan PPP mengulangi kerja dari para 5.3.2.4.</p> <p>5.3.2.8.2 Jika pelaksanaan semakan kerja memenuhi spesifikasi dan didapati memuaskan, mengesahkan Laporan Semakan Kerja Penandaan Pokok dan mengarahkan PPP menyediakan enam (6) Salinan Buku Penandaan Pokok dan Kawalan.</p>	PS
5.3.2.9	Menyediakan Laporan Semakan Kerja Penandaan Pokok Jalan/Matau/Kongsi.	Ketua PS
5.3.2.10	Menyemak dan membuat keputusan ke atas Laporan Semakan Kerja Penandaan Pokok Jalan/Pokok Matau/Pokok Kongsi.	PPPN/PHD
	<p>5.3.2.10.1 Jika pelaksanaan kerja tidak memenuhi spesifikasi, mengulangi kerja dan ulangi dari para 5.3.2.4.</p> <p>5.3.2.10.2 Jika pelaksanaan kerja memenuhi spesifikasi, mengarahkan Ketua PPP menyediakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Enam (6) salinan Buku Penandaan Pokok Jalan/Matau/Kongsi; (ii) Enam (6) salinan Buku Penandaan Pokok dan Kawalan Pengeluaran Kayu bagi Pokok Jalan/Matau/Kongsi; 	<p>PPP</p> <p>Ketua PS</p>

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	<p>(iii) Tiga (3) salinan ringkasan bilangan dan taksiran isipadu Pokok Jalan/ Matau/Kongsi; dan</p> <p>(iv) Tiga (3) salinan Pelan Penandaan Pokok Jalan/Matau/Kongsi.</p>	
5.3.2.11	<p>Mengedarkan kepada PPN salinan dokumen-dokumen seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Lima (5) salinan Buku Penandaan Pokok dan Kawalan Pengeluaran Kayu bagi Pokok Tebangan; (ii) Lima (5) salinan Buku Penandaan Pokok dan Kawalan Pengeluaran Kayu bagi Pokok Jalan/ Matau/Kongsi; (iii) Dua (2) salinan ringkasan bilangan dan taksiran isipadu Pokok Tebangan; (iv) Dua (2) salinan ringkasan bilangan dan taksiran isipadu Pokok Jalan/Pokok Matau/Pokok Kongsi; (v) Dua (2) salinan Senarai Pokok Ibu; (vi) Dua (2) salinan Senarai Pokok Perlindungan; (vii) Dua (2) salinan Pelan Penandaan Pokok Tebangan; (viii) Dua (2) salinan Pelan Penandaan Pokok Jalan/Matau/Kongsi; dan (ix) Dua (2) salinan Pelan Penandaan Pokok Ibu dan Pokok Perlindungan 	PPPN/PHD

5.4 Carta aliran Proses Kerja Penandaan Pokok Secara Jabatan adalah seperti di **Lampiran 1**.

6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Pelaksanaan arahan kerja ini adalah terpakai di peringkat JPN. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat perubahan atau penambahbaikan ke atas arahan kerja yang digariskan, konsultasi dengan IPJPSM perlu diadakan.

7.0 TERMINOLOGI

- 7.1 Terminologi Proses Kerja Penandaan Pokok Secara Jabatan adalah seperti yang di **Lampiran 2**.

8.0 TARIKH KUAT KUASA

- 8.1 Arahan kerja ini berkuatkuasa mulai tarikh Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dikeluarkan.

9.0 PEMBATALAN

- 9.1 Tidak berkaitan.

10.0 RUJUKAN

- 10.1 Manual Perhutanan Jilid III.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,




(DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG)
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia


Bertarikh : 26 Oktober 2020

Lampiran 1


Carta aliran Proses Kerja Penandaan Pokok Secara Jabatan




Sambungan Lampiran 1




Sambungan Lampiran 1





Sambungan Lampiran 1



Carta aliran proses kerja bagi aktiviti Penandaan Pokok Jalan, Matau dan Kongsi Secara Jabatan







TERMINOLOGI

Balai Pemeriksaan Hutan	- Tempat di mana semua hasil hutan dibawa untuk diukur, ditimbang atau dikira untuk ditaksir royalti, ses pembangunan hutan dan caj-caj hutan yang lain
Blok Penandaan Pokok	- Kawasan selebar 50 meter di antara dua (2) Garis Kawalan Penandaan Pokok.
Buku Penandaan Pokok dan Kawalan Pengeluaran Kayu	- Buku yang mengandungi maklumat asas mengenai Kawasan Kerja Penandaan Pokok, jumlah pokok yang ditanda untuk ditebang, lesen bagi mengeluarkan hasil hutan dan butiran pengeluaran kayu di Balai Pemeriksaan Hutan.
Daftar Tanda Jabatan	- Suatu daftar yang mengandungi rupa bentuk Tanda Jabatan dan nama pengguna yang dibenarkan untuk menggunakan.
Diameter	- Ukuran diameter paras dada batang pokok di luar kulit yang diambil pada paras ketinggian 1.3 meter dari permukaan tanah yang tertinggi. Bagi pokok yang mempunyai banir atau akar jangkang yang melebihi 1.0 meter tinggi, ukuran diameter diambil pada paras 0.3 meter di atas banir atau akar jangkang.
Garis Inventori <i>Pre-F</i>	- Suatu garis di mana petak-petak inventori ditempatkan semasa Inventori Hutan Sebelum Tebangan dijalankan.
Garis Kawalan Penandaan Pokok	- Garis yang disediakan pada jarak setiap 50 meter dalam Kawasan Kerja Penandaan Pokok untuk mengawal kerja-kerja penandaan pokok. Garis Inventori <i>Pre-F</i> boleh digunakan sebagai asas bagi menentukan garis kawalan ini.
Garis Tapak	- Garis yang disediakan merintangi Kawasan Kerja <i>Pre-F</i> untuk menetapkan permulaan Garis-garis Inventori <i>Pre-F</i> .
Garis Tapak <i>Pre-F</i>	- Suatu garis yang telah disediakan merintangi kawasan kerja <i>Pre-F</i> untuk menetapkan permulaan Garis Inventori <i>Pre-F</i> .
Had Batas Tebangan	- Had ukuran diameter pokok yang minimum yang dibenarkan untuk pengusahaan dalam Hutan Simpanan Kekal.
Hutan Simpanan Kekal	- Kawasan tanah berhutan dan tidak berhutan yang diwartakan untuk tujuan perhutanan di bawah seksyen 7, Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984) [Akta 313]. Pada

Sambungan Lampiran 2

- kebiasaannya, kawasan ini hanya disebut sebagai Hutan Simpan.
- | | |
|--|--|
| Inventori Hutan Sebelum Tebangan | - Inventori yang dijalankan ke atas sesuatu kawasan Hutan Simpanan Kekal sebelum pengusahahasilan untuk mengumpul maklumat yang tepat dan bererti mengenai kedudukan stok, kandungan, keadaan dan taburan semua pokok besar, kayu jaras, anak pokok dan anak benih supaya diketahui gambaran isi hutan yang sebenar serta dapat menentukan Had Batas Tebangan yang optimum untuk menjamin pembangunan jangka panjang hutan tersebut. |
| Jalan Tuju | - Jalan sementara satu (1) lorong dalam kawasan pengusaha hasilan hutan yang menghubungkan kawasan matau sementara dengan jalan sekunder atau jalan utama dan digunakan terutamanya oleh lori berwin (<i>San Tai Wong</i>). |
| Kawasan Kerja Penandaan Pokok | - Kawasan kompartmen atau subkompartmen bagi hutan darat asli dalam Hutan Simpanan Kekal yang akan dijalankan kerja-kerja penandaan pokok. |
| Pelan Jajaran Jalan Hutan | - Pelan kawasan kompartmen atau subkompartmen berskala 1:5 ,000 yang menunjukkan Jajaran Jalan Tuju, lokasi tapak matau utama, lokasi tapak matau sementara dan lokasi tapak kongsi. |
| Pelan Penandaan Pokok Ibu dan Pokok Perlindungan | - Pelan Kawasan Kerja Penandaan Pokok berskala I:5,000 yang menunjukkan kedudukan Pokok Ibu dan Pokok Perlindungan dalam Petak Penandaan Pokok. |
| Pelan Penandaan PokokTebangan | - Pelan Kawasan Kerja Penandaan Pokok berskala 1:5,000 yang menunjukkan julat nombor siri tag tanda pokok di dalam setiap Blok Penandaan Pokok dan bilangan Pokok Tebangan di dalam setiap Petak Penandaan Pokok. |
| Penandaan Pokok | - Proses menanda Pokok Tebangan, Pokok Ibu dan Pokok Perlindungan dengan menggunakan Tag Tanda Pokok dan/atau cat bagi tujuan pengusahahasilan dan pemeliharaan hutan. |
| Petak Penandaan Pokok | - Petak berukuran 50 x 50 meter di dalam Blok Penandaan Pokok. |
| Pokok Ibu | - Pokok yang dipilih daripada pokok-pokok matang yang mempunyai sifat-sifat fizikal yang baik dan ditanda dengan |

Sambungan Lampiran 2

Pokok
Jalan/Pokok
Matau/Pokok
Kongsi

dua (2) gelangan cat kuning dan Tag Tanda Pokok Ibu untuk dikekalkan bagi tujuan pengeluaran biji benih.

- Pokok yang berukuran diameter dari 30 cm hingga ke diameter di bawah Had Batas Tebangan di dalam kawasan hak lalu lintang Jalan Tuju/tapak matau utama/tapak kongsi dalam Kawasan Kerja dan ditanda dengan Tag Tanda Pokok Jalan/Pokok Matau/Pokok Kongsi untuk ditebang.

Pokok
Perlindungan

- Pokok yang berukuran diameter yang sama atau melebihi Had Batas Tebangan yang ditanda dengan satu (1) gelangan cat kuning dan Tag Tanda Pokok Perlindungan untuk dikekalkan bagi tujuan kepentingan silvikultur, kepentingan hidupan liar, sumber pemakanan dan pemeliharaan spesies terancam.

Pokok Tebangan

- Pokok yang berukuran diameter yang sama atau melebihi Had Batas Tebangan yang ditetapkan dan ditanda dengan Tag Tanda Pokok Tebangan untuk ditebang.

Pusat Ikatan

- Suatu titik rujukan di atas tanah yang digunakan sebagai punca untuk menentukan kedudukan Stesen Permulaan Sempadan. Pusat Ikatan lazimnya dipilih daripada ciri geografi yang kekal seperti cabang sungai, jambatan kekal, *bench mark* atau stesen trigonometri. Selain daripada ciri geografi yang kekal, Stesen Permulaan Sempadan atau Stesen Sempadan Kawasan Kerja/Kawasan Lesen bersebelahan boleh juga digunakan sebagai Pusat Ikatan.

Tag Tanda
Pokok

- Tag plastik berwarna tertentu dan bernombor siri yang dilekatkan pada Pokok Tebangan, Pokok Ibu, Pokok Perlindungan, Pokok Jalan, Pokok Matau dan Pokok Kongsi.

Tag Tanda
Pokok Ibu

- Tag plastik yang biasanya berukuran 3 x 7 cm dan berwarna biru (tulisan hitam) yang dilekatkan pada Pokok Ibu dan mempunyai nombor siri Pokok Ibu.

Tag Tanda
Pokok
Jalan/Pokok
Matau/Pokok
Kongsi

- Tag plastik yang biasanya berukuran 21 x 7 cm dan berwarna oren (tulisan hitam) yang dilekatkan pada Pokok Jalan, Pokok Matau dan Pokok Kongsi. Tag ini mengandungi tujuh (7) lipatan tag (setiap lipatan biasanya berukuran 3 x 7 cm) yang boleh diceraikan di mana dua (2) tag teratas mempunyai nombor siri pokok manakala lima (5) tag di bawah mempunyai nombor siri pokok dan nombor tual balak.

Sambungan Lampiran 2

- | | |
|------------------------------------|---|
| Tag Tanda
Pokok
Perlindungan | - Tag plastik yang biasanya berukuran 3 x 7 cm dan berwarna kuning (tulisan hitam) yang dilekatkan pada Pokok Perlindungan dan mempunyai nombor siri Pokok Perlindungan. |
| Tag Tanda
Pokok Tebangan | - Tag plastik yang biasanya berukuran 21 x 7 cm dan berwarna putih (tulisan hitam) yang dilekatkan pada Pokok Tebangan. Tag ini mengandungi tujuh (7) lipatan tag (setiap lipatan biasanya berukuran 3 x 7 cm) yang boleh diceraikan di mana dua (2) tag teratas mempunyai nombor siri Pokok Tebangan manakala lima (5) tag di bawah mempunyai nombor siri pokok dan nombor tual balak. |
| Tanda Jabatan | - Tanda yang dicap pada pokok dengan menggunakan Tukul Tanda Jabatan yang ditetapkan sebagai pengesahan yang pokok berkenaan telah ditanda untuk sesuatu tujuan oleh kontraktor yang dilantik oleh Pengarah Perhutanan Negeri. |
| Tukul Tanda
Jabatan | - Tukul besi bernombor yang mempunyai tanda Jabatan Perhutanan Negeri berkenaan yang digunakan untuk mengecap pada pangkal pokok bagi maksud-maksud tertentu. |

SINGKATAN

dpd	- Diameter paras dada
PGT	- Permulaan Garis Tapak
PH	- Pengawas Hutan
PHD/J	- Pegawai Hutan Daerah/Jajahan
PI	- Pusat Ikatan
PP	- Pelukis Pelan
PPH	- Penolong Pemelihara Hutan
PPHD	- Penolong Pegawai Hutan Daerah/Jajahan
PPN	- Pengarah Perhutanan Negeri
PPPN	- Penolong Pengarah Perhutanan Negeri
PPT	- Penolong Pegawai Tadbir
<i>Pre-F</i>	- Inventori Hutan Sebelum Tebangan
PRH	- Pegawai Renj Hutan
PT	- Pembantu Tadbir
TPPN	- Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri